

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB LAKSAMANA PERTAMA  
MOHAMAD IMRAN BIN ABD  
HAMID (B)  
(LUMUT)**

**TARIKH : 12.11.2014  
(RABU)**

**SOALAN:**

**Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan apa perlunya mengadakan latihan penembakan skuadron kereta perisai pada bulan Ramadhan dan tidak pada bulan-bulan yang lain.**

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Tentera Darat (TD) dalam merangka program latihan bagi melatih pegawai dan anggota TD tidak pernah membezakan di antara bulan Ramadhan dan bulan-bulan lain. Ianya bagi melengkapkan mereka menerima sebarang bentuk ancaman musuh yang bakal wujud tanpa mengira waktu dan ketika. Sejarah telah membuktikan bahawa kebanyakan serangan ke atas negara-negara Islam telah berlaku dalam bulan Ramadhan seperti yang selalu dilakukan oleh Rejim Zionis ke atas Palestin. Justeru, TD harus sentiasa bersedia dan berlatih untuk berperang bagi menghadapi bentuk ancaman sedemikian tanpa mengira masa. Malahan TD yakin latihan berterusan termasuk di bulan Ramadhan akan lebih memperkukuhkan keimanan dan ketaqwaan. TD harus mampu mempertahankan kedaulatan negara tanpa mengira waktu, keadaan dan masa.**